

Panduan Dasar tentang Penjejukan Wang dalam Kes-kes Pmerdagangan Manusia



Bali Process

tentang Penyeludupan Manusia, Pmerdagangan Manusia dan
Jenayah Lintas Sempadan yang Berkaitan Dengannya

Panduan pengenalan
untuk pengamal tentang
cara menggunakan
alat-alat penyiasatan
kewangan dalam kes-kes
pmerdagangan manusia

Panduan dasar ini boleh digunakan oleh semua negara Bali Process, termasuk negara yang belum menandatangani dan/atau mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Jenayah Terancang Rentas Sempadan (“Konvensyen Jenayah Terancang”) dan dua daripada protokol tambahannya, iaitu Protokol Menentang Penyeludupan Pendatang melalui Darat, Laut dan Udara; dan Protokol Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak. Istilah yang digunakan dalam panduan dasar ini sama dengan yang digunakan dalam tiga instrumen antarabangsa ini, setakat yang boleh. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penterjemahan, terjemahan rasmi Konvensyen ini dan Protokolnya hendaklah dirujuk sebagai titik-titik rujukan yang berwibawa bagi istilah yang digunakan dalam panduan dasar ini.



Bali Process tentang Penyeludupan Manusia, Pemerdagangan Manusia dan Jenayah Lintas Sempadan yang Berkaitan Dengannya (“Bali Process”) diatur pada tahun 2002 sebagai proses perundingan serantau yang sukarela dan tidak mengikat, dipengerusikan bersama oleh Kerajaan Australia dan Indonesia, dan dianggotai lebih daripada 45 negara dan organisasi.

Pertanyaan tentang panduan dasar ini hendaklah ditujukan kepada Pejabat Sokongan Serantau (RSO) Bali Process di:

E-mel: info@rso.baliprocess.net

Laman web RSO: www.baliprocess.net/regional-support-office

Diterbitkan pada bulan Julai 2018.

Reka bentuk grafik dihasilkan oleh Kerajaan Australia
Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri

Penghargaan

Panduan dasar ini telah disusun oleh Jawatankuasa Penyusunan Draf Panduan Dasar Bali Process, yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:



Yusfidli Adhyaksana,

Timbalan Ketua II Pengambilan Balik Aset Lintas Sempadan,
Pusat Pengambilan Balik Aset (PPA), Pejabat Peguam Negara,
Indonesia (Pengerusi Bersama)



Australian Government
Department of Home Affairs

Kieran Butler,

Penasihat (Undang-undang), Cawangan Jenayah Lintas Sempadan,
Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, Australia (Pengerusi Bersama)



Md Moslem Ali PPM (Bar),

Penguasa Polis Tambahan, Jenayah Khas (Ibu Pejabat Polis),
Polis Bangladesh, Bangladesh



Maria Roseny Fangco,

Pembantu Khas,
Pejabat Setiausaha Rendah Pekerja Hijrahan,
Jabatan Hal Ehwal Luar Negara, Filipina



Hazel Joy Panong,

Pegawai Undang-undang,
Pejabat Setiausaha Rendah Pekerja Hijrahan,
Jabatan Hal Ehwal Luar Negara, Filipina



Chonticha Daoruang,

Pengarah Bahagian Litigasi,
Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Thailand



Siriut Wiwek,

Penyiasat Kanan, Bahagian Kerjasama Antarabangsa,
Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Thailand



Chris Batt,

Penasihat Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan
Pencegahan Pembiayaan Keganasan,
Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu



Australian Government
Department of Home Affairs

Michael Petty,

Penasihat Penguatkuasaan Undang-undang,
Pasukan Bantuan Pencegahan Pengubahan Wang Haram,
Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, Australia



Australian Government
Department of Home Affairs

Rebecca Mills,

Penolong Pengarah,
Bahagian Penyeludupan Manusia dan Pemerdagangan Manusia,
Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, Australia

Pertanyaan mengenai panduan dasar ini hendaklah dihantar ke bali.process.tipwg@homeaffairs.gov.au

Prakata

Sejak diatur pada tahun 2002, Bali Process tentang Penyeludupan Manusia, Perdagangan Manusia dan Jenayah Lintas Sempadan yang Berkaitan Dengannya (“Bali Process”) telah meningkatkan kesedaran rantau ini mengenai akibat penyeludupan manusia, perdagangan manusia dan jenayah lintas sempadan yang berkaitan dengannya, dan sebagai gerak balas, telah menyusun dan melaksanakan strategi serta kerjasama yang praktikal. Bali Process yang dipengerusikan bersama oleh Indonesia dan Australia ini mempunyai lebih daripada 48 ahli, termasuk Pesuruhjaya Tinggi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR), Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) dan Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNODC), di samping beberapa negara pemerhati dan agensi antarabangsa.

Semasa Persidangan Menteri-menteri Serantau Bali Process yang Keenam pada bulan Mac 2016, para menteri mengambil maklum betapa pentingnya kewajipan yang dipikul oleh kerajaan setiap negara dalam usaha menyifatkan pengubahan wang haram dan hasil daripada kegiatan jenayah sebagai jenayah, untuk menyasarkan insentif kewangan daripada penyeludupan manusia dan perdagangan manusia, dan mengesyorkan bahawa Kumpulan Kerja Perdagangan Manusia Bali Process (“Kumpulan Kerja”) menjalankan latihan dan menghasilkan panduan serantau tentang tajuk ini. Seterusnya, pada bulan Mei 2016, Kumpulan Kerja ini mengadakan Forum Jejak Wang Bali Process, yang mengesyorkan agar Kumpulan Kerja tersebut menghasilkan panduan dasar serantau (“panduan”) dan modul latihan yang berkait dengannya tentang cara menggunakan alat-alat penyiasatan kewangan dalam kes-kes perdagangan manusia.

Semasa mesyuarat tahunannya yang kedua pada bulan Mei 2016, Kumpulan Kerja bersetuju mengajukan syor ini di bawah *Rancangan Kerja Ke Depan Tahun 2016-17* dan menubuhkan Jawatankuasa Penyusunan Draf yang dipengerusikan bersama oleh Kerajaan Republik Indonesia dan Australia untuk menulis draf panduan tersebut. Jawatankuasa Penyusunan Draf ini dianggotai para pakar pencegahan pengubahan wang haram dan perdagangan manusia dari Australia, Bangladesh, Indonesia, Filipina, Thailand dan Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNODC). Versi draf panduan ini diserahkan kepada ahli dan pemerhati Bali Process untuk diberi komen bertulis dan dibincangkan semasa Bengkel Perundingan Bali Process sepenuhnya yang diadakan pada 23-24 Mei 2017 di Bali, Indonesia. Panduan tersebut seterusnya dimuktamadkan, dan telah disokong semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Kumpulan Ad Hoc Bali Process pada bulan Oktober 2017.

Panduan ini diikuti secara sukarela, tidak mengikat dan dimaksudkan sebagai alat rujukan untuk pegawai penguatkuasaan undang-undang dan keadilan yang bertanggungjawab menyiasat dan mendakwa kes-kes perdagangan manusia di negara-negara anggota Bali Process.

Akronim dan Singkatan Kata

ARIN-AP	Rangkaian Antara Agensi Pengambilan Balik Aset - Asia Pasifik
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
Bali Process	Bali Process tentang Penyeludupan Manusia, Pernerdagangan Manusia dan Jenayah Lintas Sempadan yang Berkaitan Dengannya
FATF	Pasukan Petugas Tindakan Kewangan
FIU	Unit Perisikan Kewangan
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
MOU	Memorandum Persefahaman
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
Konvensyen Jenayah Terancang	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Jenayah Terancang Lintas Sempadan
RSO	Pejabat Sokongan Serantau Bali Process
Protokol Pernerdagangan Manusia	Protokol Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pernerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak, sebagai tambahan pada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Jenayah Terancang Lintas Sempadan
UN (PBB)	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNODC	Pejabat Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Kandungan

Ringkasan eksekutif	4
Bahagian 1: Rasional	6
1.1 Apakah maksud 'menjejaki wang'?	6
1.2 Mengapa perlu jejak wang?	6
1.3 Berapakah nilai pemerdagangan manusia?	7
1.4 Cara baharu berfikir - peluang dan cabaran	7
1.5 Kajian Kes	8
Bahagian 2: Rangka kerja undang-undang	9
2.1 Piawaian antarabangsa	9
2.2 Kesalahan pengubahan wang haram secara menyeluruh	9
2.3 Rangka kerja penyitaan aset yang berkesan	10
2.4 Aset apakah yang boleh ditahan dan didapatkan balik?	11
Bahagian 3: Kaedah-kaedah pengubahan wang haram yang berkait dengan pemerdagangan manusia	12
3.1 Bagaimanakah wang haram diubah?	12
3.2 Kaedah pengubahan wang haram yang lazimnya digunakan	13
3.3 Pengubahan wang haram dalam kes-kes pemerdagangan manusia	14
Bahagian 4: Unit Perisikan Kewangan (FIU)	15
4.1 Bagaimanakah kerajaan mengenal pasti aktiviti pengubahan wang haram?	15
4.2 Apakah tugas FIU?	16
4.3 Bagaimanakah FIU anda dapat menyokong penyiasatan anda?	16
4.4 Kajian Kes	18
Bahagian 5: Penyiasatan	20
5.1 Apakah maksud penyiasatan kewangan?	20
5.2 Bagaimanakah dapat kita buktikan cara dan tempat wang digerakkan?	20
5.3 Mengumpulkan maklumat dan bukti	21
5.4 Kajian Kes	24
Bahagian 6: Kerjasama antarabangsa	25
6.1 Mengapakah kerjasama antarabangsa itu penting?	25
6.2 Beberapa bentuk kerjasama antarabangsa yang lazimnya digunakan untuk menyokong penyiasatan kewangan	25
6.3 Beberapa pertimbangan penting	26
Bahagian 7: Kaedah pembayaran baharu	28
Bahagian 8: Ringkasan petua	29

Ringkasan eksekutif

Pemerdagangan manusia ialah jenayah yang serius dan implikasinya terhadap hak asasi manusia sangat dahsyat. Pemerdagangan manusia juga salah satu model perniagaan jenayah terancang yang paling menguntungkan. Jenayah ini dianggarkan menjadi sumber pendapatan haram yang kedua terbesar di dunia, selepas pengedaran dadah.¹ Pertubuhan Buruh Antarabangsa menganggarkan bahawa buruh paksa dan pemerdagangan manusia membentuk sebuah industri bernilai US\$150 bilion setahun di seluruh dunia.²

Sungguhpun kelaziman dan keterukan kesan pemerdagangan manusia semakin diakui, namun kadar sabitannya pada peringkat global tetap rendah. Penjejakan wang mampu mengesan aliran keuntungan haram, mengenal pasti pesalah dan mangsa, mengumpulkan bukti yang dapat membantu pendakwaan, dan membolehkan perampasan aset agar rangkaian jenayah tidak mendapat keuntungan yang haram itu. Panduan dasar ini membentangkan cara-cara meningkatkan gerak balas penguatkuasaan undang-undang terhadap pemerdagangan manusia dengan pendekatan 'jejaki wang', iaitu menggunakan teknik pencegahan pengubahan wang haram dan pengambilan balik aset.

Kerajaan setiap negara memikul kewajipan memerangi pengubahan wang haram dan hasil daripada kegiatan jenayah, seperti yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) dan terkandung di dalam beberapa konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Antaranya ialah keperluan menggubal undang-undang bagi kesalahan pengubahan wang haram secara menyeluruh dan mengadakan aturan yang berkesan untuk membekukan, merampas dan menyita hasil daripada kegiatan jenayah.

Panduan dasar ini menerangkan proses mengubah wang haram dan kaedah-kaedah yang lazimnya digunakan oleh rangkaian jenayah pemerdagangan manusia, berdasarkan pengalaman negara-negara anggota Bali Process. Atas kesedaran tentang peranan utama yang dimainkan oleh Unit-unit Perisikan Kewangan (FIU) dalam usaha menyokong pendekatan 'jejaki wang' ini, panduan ini memberikan beberapa petua tentang cara meningkatkan kerjasama antara agensi undang-undang dan keadilan dengan FIU. Panduan ini juga menjelaskan fasa-fasa penting penyiasatan kewangan, termasuk langkah menggunakan mekanisme kerjasama antarabangsa, berserta nasihat tentang amalan terbaik dan kajian kes.

Panduan ini ditawarkan sebagai rujukan untuk membantu para pengamal meluaskan himpunan alat yang digunakan untuk memerangi kesalahan pemerdagangan manusia, dengan cara menyasarkan hakikat ekonomi bahawa jenayah ini terdorong oleh keuntungan. Ini suatu tumpuan baharu bagi Bali Process yang selaras dengan kesedaran global yang semakin meningkat tentang manfaat menggunakan alat-alat penyiasatan kewangan untuk menumpaskan jenayah lintas sempadan dan menetapkan sasaran pada apa yang paling dihargai oleh penjenayah, iaitu keuntungan mereka.³

1 <http://digitalcommons.ilr.cornell.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1016&context=forcedlabor>

2 http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/---declaration/documents/publication/wcms_243391.pdf

3 Contohnya, Majlis Keselamatan PBB mengeluarkan resolusinya yang pertama (2331) tentang pemerdagangan manusia dan pengabdian pada 20 Disember 2016, yang menggalakkan FATF, badan-badan serantau bergaya FATF dan kerajaan setiap negara agar mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan usaha menggendalakan aliran kewangan yang berkait dengan pemerdagangan manusia dan pengabdian moden.

Bahagian 1: Rasional

1.1 Apakah maksud 'menjejaki wang'?

Wang ialah nadi kehidupan jenayah terancang. Setelah sekian lama, jenayah telah menjadi semakin canggih dan bertaraf antarabangsa, dan penjenayah sentiasa mencari cara-cara baharu menyembunyikan hasil daripada kegiatan jenayah. Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dan keadilan dengan itu bertindak mengambil pendekatan 'jejaki wang' untuk memerangi aktiviti jenayah terancang yang serius. Pendekatan begini melibatkan tumpuan pada aspek-aspek kewangan sesuatu jenayah.

Penyiasatan kewangan ialah apa-apa penyiasatan tentang hal ehwal kewangan seseorang, sesuatu kumpulan orang atau sesebuah perniagaan. Objektif utama penyiasatan kewangan adalah untuk mengenal pasti dan merakamkan pergerakan wang sepanjang perjalanan aktiviti jenayah yang disyaki, dengan matlamat mengesan dan mendakwa penjenayah dan mendapat balik hasil daripada kegiatan jenayah itu. Pautan antara sumber wang, benefisiari, waktu wang diterima, dan tempat wang disimpan atau didepositkan, boleh membekalkan maklumat yang berharga mengenai bukti aktiviti jenayah.

Pendekatan 'jejaki wang' menggunakan dua komponen yang penting, iaitu strategi pencegahan pengubahan wang haram dan alat pengambilan balik aset. Pengubahan wang haram ialah kesalahan jenayah yang melibatkan pengolahan hasil kegiatan jenayah untuk menyembunyikan sumber, hak milik atau destinasi wang yang diperoleh secara haram. Pengambilan balik aset ialah proses menyiasat, menahan dan merampas hasil daripada semua jenis kegiatan jenayah.

1.2 Mengapa perlu jejaki wang?

Sama seperti jenis-jenis jenayah terancang yang lain, rangkaian pemerdagangan manusia menggunakan pelbagai teknik pengubahan wang haram untuk menyembunyikan sumber haram keuntungan mereka dan menjayakan pengendalian perniagaan mereka. Atas sebab ini, terdapat beberapa manfaat pada pendekatan 'jejaki wang' dalam kes-kes pemerdagangan manusia.

- Mengesan aliran kewangan yang berkait dengan pemerdagangan manusia boleh menolong penyiasat mengenal pasti ahli dan mangsa sesuatu rangkaian jenayah serta mengumpulkan bukti yang dapat membantu usaha pendakwaan.
 - Hal ini dapat mengurangkan pergantungan pada testimoni mangsa.
 - Selain itu, para peserta penting dan benefisiari sesuatu rangkaian haram dapat dikenal pasti, iaitu orang yang mendapat keuntungannya tetapi menjauhkan diri daripada jenayah tersebut.
- Kesalahan pengubahan wang haram boleh menjadi suatu lagi saluran pendakwaan terhadap penjenayah yang terlibat dengan kegiatan pemerdagangan manusia. Hal ini berguna apabila tidak ada bukti yang mencukupi untuk memulakan pendakwaan yang berjaya dengan menggunakan kesalahan pemerdagangan manusia. Saluran tambahan ini juga mampu mendedahkan pelanggaran peraturan kewangan yang lain.
- Penyitaan manfaat yang diperoleh boleh menjadi penghindar untuk menawarkan hati pesalah yang mungkin bersedia menerima risiko dipenjarakan jika mereka yakin bahawa keuntungan daripada aktiviti jenayah mereka akan tersedia untuk mereka setelah dibebaskan kelak.
- Penyitaan hasil yang berkait dengan pemerdagangan manusia, jika berkesan, mampu menghalang keuntungan itu dilaburkan semula ke dalam aktiviti jenayah dan juga mampu membolehkan hasil itu digunakan untuk meningkatkan usaha pencegahan pemerdagangan manusia dan memberikan bantuan kepada mangsa.
- Pelaksanaan rangka kerja penyitaan aset yang tidak berasaskan sabitan⁴ juga boleh membawa hasil yang jauh lebih baik bagi pelbagai jenis jenayah, termasuk pemerdagangan manusia. Langkah-langkah ini membuka peluang yang lebih besar untuk negara-negara yang ingin menyasarkan mereka yang mendapat keuntungan daripada sesuatu perbuatan jenayah tetapi menjauhkan diri daripadanya, kerana cara ini tidak memerlukan sabitan jenayah.

4 Terdapat dua cara mendapat balik hasil daripada kegiatan jenayah, iaitu pengambilan balik berasaskan sabitan, yang membolehkan pengambilan balik aset yang berkait dengan sesuatu jenayah selepas sabitan diperoleh bagi jenayah itu, dan pengambilan balik yang tidak berasaskan sabitan (atau pengambilan balik sivil) yang membenarkan penahanan dan pengambilan balik aset yang disyaki mempunyai asal usul jenayah, tanpa keperluan mendapatkan sabitan jenayah.

1.3 Berapakah nilai pemerdagangan manusia?

Pemerdagangan manusia ialah perniagaan yang lumayan, dan dilakukan secara global. Pada tahun 2014, Pejabat Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan bahawa jumlah keuntungan haram yang diperoleh daripada kegiatan pemerdagangan manusia dan pengabdian seluruh dunia ialah US\$150.2 bilion setahun.⁵ Hampir dua pertiga keuntungan ini, iaitu sebanyak US\$99 bilion, berpunca daripada eksploitasi seksual secara paksa.⁶ Eksploitasi buruh bukan domestik menghasilkan keuntungan sebanyak US\$43.4 bilion manakala hampir US\$8 bilion berpunca daripada eksploitasi pekerja domestik. Keuntungan ini paling tinggi di Asia, iaitu tempat asal kebanyakan mangsanya. Kadar keuntungan tahunan bagi setiap mangsa paling tinggi dicatatkan di negara-negara maju (kira-kira US\$34,800 setiap mangsa).

1.4 Cara baharu berfikir - peluang dan cabaran

Perjuangan memerangi pemerdagangan manusia dahulunya bertumpu pada usaha mencari kesalahan mendagangkan manusia secara haram, dan bukannya pada hasil yang diperoleh daripada jenayah itu yang dilaburkan ke dalamnya.⁷ Dengan mengukuhkan tumpuan kita pada aspek-aspek kewangan kelakuan pesalah, kita akan mendapat pelbagai peluang tetapi juga pelbagai cabaran. Suatu isu penting adalah untuk meluaskan pemahaman kita tentang apa yang menjayakan sesuatu kes pemerdagangan manusia, termasuklah pemahaman tentang betapa besarnya sumbangan daripada penyitaan aset dan penggunaan pengubahan wang haram sebagai saluran pendakwaan alternatif kepada perjuangan memerangi jenis jenayah ini.

Petua

Kumpulkan statistik mengenai aset yang didapatkan balik dan penggunaan kesalahan pengubahan wang haram untuk menggendalakan rangkaian pemerdagangan manusia. Pertimbangkan penggunaan statistik ini sebagai penunjuk prestasi gerak balas negara anda dalam kes-kes pemerdagangan manusia.

Petua

Tunjukkan sokongan yang tinggi terhadap pendekatan 'jejaki wang' dalam penyiasatan kes-kes pemerdagangan manusia untuk menggalakkan penerimaannya pada semua peringkat organisasi anda. Sebagai contoh, para pegawai kanan boleh menyiarkan pernyataan awam yang menyokong pendekatan ini.

Suatu lagi isu adalah bahawa komuniti pencegahan perdagangan haram dan pencegahan pengubahan wang haram biasanya masing-masing berusaha secara berasingan. Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang biasanya tidak sedar atau tidak dilatih menangani aktiviti kewangan yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia, dan penyiasat kewangan mungkin kurang memahami secara terperinci model perniagaan, pasaran dan keutamaan menggerakkan wang haram dalam urusan pemerdagangan manusia. Menyatukan semua perspektif ini akan membawa potensi besar untuk meningkatkan usaha kita memerangi pemerdagangan manusia, tetapi akan memerlukan komitmen yang teguh daripada kerajaan setiap negara untuk meruntuhkan sempadan organisasi. Aktiviti meningkatkan kesedaran dan membina kemampuan perlu untuk membantu kerajaan setiap negara dan agensi masing-masing menggunakan pendekatan ini.

Petua

Susun strategi pengendalian yang menghimpunkan kepakaran semua agensi yang berkenaan (termasuk polis, pendakwa dan FIU) untuk memastikan kesalahan pemerdagangan manusia disiasat sepenuhnya.

⁵ Tidak termasuk buruh paksa yang diarahkan oleh kerajaan

⁶ *Keuntungan dan Kemiskinan: Ekonomi buruh paksa, m/s 12–13*

⁷ Memanfaatkan Aturan Pencegahan Pengubahan Wang Haram untuk Memerangi Pemerdagangan Manusia (2014), Pejabat Keselamatan dan Kerjasama di Eropah (OSCE) <https://www.osce.org/secretariat/121125?download=true>

Usaha menambah baik penggunaan teknik pencegahan pengubahan wang haram untuk memerangi pemerdagangan manusia juga memerlukan kerjasama rapat antara semua negara untuk mencepatkan pertukaran maklumat yang berkaitan dengan kes kewangan. Penyiasatan tentang pemerdagangan manusia boleh mendapat manfaat apabila menggunakan rangkaian kerjasama antarabangsa bagi isu-isu pengubahan wang haram, misalnya pertukaran maklumat antara FIU. Kerajaan juga perlu berganding bahu dengan sektor swasta sebagai pemegang kepentingan yang besar dalam usaha menggerakkan keuntungan yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia dari sesuatu lokasi ke lokasi lain.

1.5 Kajian Kes

Pada 1 Mei 2015, pasukan petugas yang terdiri daripada anggota tentera dan polis menjumpai sekurang-kurangnya 30 mayat di sebuah kem yang ditinggalkan di daerah Sadao, wilayah Songkhla, berhampiran sempadan antara Thailand dengan Malaysia. Untuk membantu penyiasatan polis tentang rangkaian pemerdagangan dan penyeludupan manusia yang disyaki, Polis Diraja Thailand menghubungi unit perisikan kewangan Thailand, iaitu Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLO) Thailand untuk menyiasat aktiviti kewangan yang berkaitan dengan kes tersebut.

Dengan menggunakan pangkalan data rekod transaksi kewangan AMLO, pegawai-pegawai AMLO menggelintar rekod pemindahan kawat (domestik dan antarabangsa), laporan mata wang sempadan, laporan transaksi yang dicurigai, laporan transaksi tunai, dan laporan transaksi harta benda.

Di samping menggelintar pangkalan data mereka, AMLO memohon pelbagai maklumat daripada entiti-entiti lain yang berlapor kepada AMLO, termasuk:

- butir-butir pemegang akaun dan butir-butir transaksi pelanggan (termasuk penyata akaun) daripada beberapa institusi kewangan
- rekod hak milik, pemerolehan dan penjualan tanah yang berkaitan dengan orang yang disyaki, daripada Pejabat Tanah Thailand
- rekod yang berkenaan dengan kedudukan orang-orang utama yang disyaki sebagai pembayar cukai, termasuk rekod pendapatan mereka yang diisytiharkan, rekod pembayaran cukai peribadi dan perniagaan, dan aturan perbankan yang diisytiharkan, daripada Pejabat Hasil Percukaian Thailand, dan
- butir-butir syarikat dan orang yang terpaut dengan perniagaan yang dikenal pasti, termasuk alamat, pemegang saham dan profil kewangan, daripada Jabatan Pembangunan Perniagaan.

Dengan menggunakan penyata bank dan butir-butir pemindahan kawat, AMLO berjaya mengesan transaksi kewangan daripada orang yang ditahan dalam kes tersebut kepada orang lain yang disyaki. Hal ini menunjukkan wang yang dipindahkan daripada orang yang ditahan kepada orang yang disyaki melalui pemindahan akaun terus di dalam sempadan Thailand. AMLO kemudiannya dapat menunjukkan bahawa kaedah-kaedah pembayaran yang lain, termasuk pengirim wang tunai dan penghantar haram, telah digunakan untuk memindahkan wang antara Thailand dengan Malaysia. AMLO berjaya menghubungkan semua transaksi ini dengan mengumpulkan maklumat kewangan dan hasil risikan manusia daripada Polis Diraja Thailand dan melakukan analisis pemindahan wang yang terperinci.

Antara orang penting yang disyaki, yang telah dikenal pasti menggunakan kaedah penyiasatan kewangan dan perisikan, ialah pegawai-pegawai kanan, penganjur rangkaian jenayah yang disyaki, bekas ketua organisasi pentadbiran wilayah, seorang datuk bandar dan seorang ahli perniagaan yang ternama. Orang-orang yang disyaki telah dituduh melakukan jenayah pemerdagangan manusia dan pengubahan wang haram. AMLO juga memohon perintah mahkamah untuk merampas keuntungan haram yang berkaitan dengan kesalahan ini.

Kes ini menunjukkan bahawa kaedah penyiasatan kewangan berjaya mendedahkan rangkaian pesalah dan bukti yang lebih luas, serta pautan antaranya, berbanding dengan yang tersedia untuk penyiasat dalam keadaan sebaliknya.

Bahagian 2: Rangka kerja undang-undang

2.1 Piawaian antarabangsa

Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) ialah badan antara kerajaan yang dianggotai 37 ahli, yang bertanggungjawab menetapkan piawaian antarabangsa bagi pengubahan wang haram dan menilai prestasi setiap negara melaksanakannya.⁸ Terdapat juga pelbagai konvensyen PBB yang merangkumi kewajipan yang dipikul oleh kerajaan setiap negara sehubungan dengan pengubahan wang haram dan hasil daripada kegiatan jenayah.⁹ Antara kewajipan penting kerajaan setiap negara yang digariskan dalam piawaian ini ialah keperluan menggubal undang-undang bagi kesalahan pengubahan wang haram secara menyeluruh dan mengadakan aturan yang berkesan, yang memperuntukkan pembekuan, perampasan dan penyitaan hasil daripada kegiatan jenayah.

2.2 Kesalahan pengubahan wang haram secara menyeluruh

Untuk menepati piawaian antarabangsa, undang-undang pengubahan wang haram yang menyeluruh hendaklah:

- menganggap semua peringkat proses pengubahan wang haram sebagai jenayah
- dikenakan terhadap seberapa banyak jenis kesalahan predikat yang boleh,¹⁰ termasuk pemerdagangan manusia
- memperuntukkan keupayaan menyiasat pengubahan wang haram sebagai kesalahan yang berdiri sendiri, di samping kesalahan predikat
- memastikan bahawa sabitan kesalahan predikat itu tidak diperlukan untuk membuktikan bahawa sesuatu harta benda itu diperoleh melalui kegiatan jenayah
- mengenakan liabiliti jenayah terhadap orang yang sah di sisi undang-undang (contohnya, syarikat)
- dikenakan terhadap apa-apa jenis harta benda, walau berapa pun nilainya, yang mewakili hasil kegiatan jenayah, sama ada secara langsung ataupun tidak
- merangkumi kelakuan yang berlaku di negara lain, jika kelakuan itu suatu kesalahan di negara asing itu dan dianggap sebagai kesalahan predikat di negara asalnya, dan
- memastikan bahawa niat dan pengetahuan yang diperlukan untuk membuktikan kesalahan pengubahan wang haram boleh difahami berdasarkan fakta-fakta yang objektif.

Petua

Untuk membuktikan pengubahan wang haram, unsur-unsur penting yang perlu ditentukan adalah bahawa orang yang mengendalikan wang itu **tahu** atau **sepatutnya telah mengesyaki** bahawa wang tersebut diperoleh daripada kegiatan jenayah, ataupun dimaksudkan untuk melakukan jenayah.

⁸ Lihat Saranan FATF tahun 2012 dan 2013, Metodologi FATF untuk menilai pematuan teknikal terhadap Saranan FATF dan keberkesanan sistem AML/CFT.

⁹ Antaranya ialah *Konvensyen PBB Menentang Perdagangan Haram Dadah Narkotik dan Bahan Psikotropik 1988* (Konvensyen Vienna), *Konvensyen PBB Menentang Jenayah Terancang Lintas Sempadan 2000* (UNTOC atau Konvensyen Palermo), dan *Konvensyen PBB Menentang Rasuah 2003* (UNCAC).

¹⁰ Kesalahan predikat ialah perbuatan yang menyediakan sumber asas untuk melakukan perbuatan jenayah yang lain. Contohnya, pemerdagangan manusia dan penyeludupan manusia mungkin kesalahan predikat yang menyediakan wang untuk melakukan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan.

Petua

Pastikan bahawa pengubahan wang haram dan kesalahan predikat boleh didakwa secara berasingan. Jika sabitan tidak dapat dilakukan terhadap sesuatu kesalahan predikat (contohnya, pemerdagangan manusia) tetapi terdapat bukti pengubahan wang haram, hal ini membolehkan pegawai penguatkuasaan undang-undang menasaskan kesalahan pengubahan wang haram secara berasingan dengan kesalahan predikat itu.

2.3 Rangka kerja penyitaan aset yang berkesan

Penyitaan aset atau pengambilan balik aset ialah penyiasatan, penahanan sementara, perampasan dan pengurusan hasil daripada kegiatan jenayah. Penyitaan boleh dibuat berasaskan sabitan (memerlukan pesalah disabitkan kesalahan dalam prosiding jenayah sebelum penyitaan boleh dilakukan) ataupun tidak berasaskan sabitan. Aturan penyitaan aset yang menyeluruh membolehkan anda menyiasat, memelihara, merampas dan menahan hasil daripada kegiatan jenayah. Aturan begini juga merangkumi langkah mempertimbangkan kepentingan pihak ketiga (atau kepentingan yang dipegang tanpa tahu-menahu) dalam aset tersebut, dan langkah yang membenarkan perampasan aset oleh pihak kerajaan. Banyak negara yang telah melaksanakan rangka kerja undang-undang yang tidak berasaskan sabitan berjaya mencapai peningkatan pada usaha pengendalian, dan berjaya menggunakan wang sita untuk mencegah jenayah yang akan datang, contohnya melalui pencegahan jenayah, pendidikan dan program penguatkuasaan.

Petua: Wujudkan kaedah perampasan yang tidak berasaskan sabitan

Perampasan yang tidak berasaskan sabitan boleh meningkatkan keberkesanan aturan hasil daripada kegiatan jenayah. Pengambilan balik yang tidak berasaskan sabitan membenarkan penahanan dan pengambilan balik aset yang disyaki mempunyai asal usul jenayah, tanpa keperluan mendapatkan sabitan jenayah. Cara begini dapat:

- membenarkan aset dibekukan atau ditahan pada peringkat yang lebih awal dalam proses penyiasatan, yang dapat menghalang aset dilupuskan sementara penyiasatan atau pendakwaan sedang berlangsung
- memberikan hasil yang berjaya jika pesalah telah meninggal dunia, tidak dapat dikesan atau tidak dapat dikenal pasti
- membolehkan penyitaan hasil daripada kegiatan jenayah daripada mereka yang mendapat keuntungan tetapi menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah itu kerana tidak memerlukan sabitan jenayah, dan
- membolehkan perampasan harta benda yang dipegang oleh pihak ketiga jika itu harta benda cela (harta benda yang digunakan oleh, atau yang dimaksudkan untuk kegunaan, seseorang untuk melakukan kesalahan jenayah atau sehubungan dengan kesalahan jenayah) atau harta benda yang berada di bawah kawalan berkesan pesalah.

2.4 Aset apakah yang boleh ditahan dan didapatkan balik?

Aset yang digunakan untuk melakukan perbuatan jenayah (peralatan) dan aset yang diperoleh daripada perbuatan jenayah (hasil daripada kegiatan jenayah) atau nilainya boleh ditahan dan didapatkan balik. Harta benda yang telah diletakkan oleh penjenayah di bawah nama orang lain juga mungkin boleh ditahan jika penjenayah itu mempunyai kawalan berkesan terhadapnya. Suatu objektif yang penting bagi ramai penjenayah ialah melindungi keuntungan perbuatan jenayah mereka dan langkah-langkah yang diambil oleh mereka untuk menyembunyikan sumber dan hak milik harta benda itu kini menjadi cabaran yang kompleks bagi penyiasat. Undang-undang domestik hendaklah cukup fleksibel untuk menyahut cabaran harta benda yang dipegang oleh pihak di negara asing dan mampu meleraikan struktur hak milik yang kompleks untuk menentukan pemilik benefisiari yang sebenar.

Hasil daripada kegiatan jenayah mungkin merangkumi keuntungan ekonomi daripada harta benda itu dan harta benda yang telah ditukar atau diubah sebahagiannya atau seluruhnya kepada harta benda lain. Contohnya, kenderaan bermotor, rumah atau bot yang dibeli menggunakan wang yang diperoleh daripada hasil pemerdagangan manusia mungkin boleh disita kerana barang itu dibeli menggunakan hasil daripada kegiatan jenayah.

Peralatan (atau perkakas) jenayah ialah harta benda yang digunakan untuk memudahkan perbuatan jenayah dan mungkin merangkumi, contohnya, kereta atau bot yang digunakan untuk mendagangkan manusia, atau wang yang digunakan untuk membiayai aktiviti jenayah. Mungkin tiada bukti yang menunjukkan bahawa kenderaan tersebut diperoleh melalui hasil daripada kegiatan jenayah ataupun bahawa kenderaan itu dibeli menggunakan wang yang diperoleh daripada kesalahan jenayah yang lepas. Walau bagaimanapun, jika kenderaan itu digunakan untuk melakukan kesalahan, maka kenderaan itu boleh disita sebagai peralatan jenayah.

Kawalan berkesan terhadap harta benda bermaksud harta benda yang dikawal oleh seseorang sama ada dia mempunyai kepentingan yang sah atau saksama di dalam harta benda itu ataupun hak atau kuasa sehubungan dengan harta benda itu. Apabila menentukan sama ada seseorang itu mempunyai kawalan berkesan terhadap sesuatu harta benda, beberapa faktor dipertimbangkan, termasuk:

- pegangan saham harta benda tersebut, debentur terhadapnya, atau jawatan pengarah di syarikat yang memiliki kepentingan (sama ada secara langsung ataupun tidak) di dalamnya
- amanah yang mempunyai hubungan dengan harta benda tersebut
- hubungan kekeluargaan, domestik atau perniagaan antara orang yang mempunyai kepentingan di dalam harta benda tersebut.

Petua: Melakukan penyitaan aset yang berkesan


Hasil penyitaan aset jenayah boleh ditingkatkan dengan:

- Menyediakan maklumat dan latihan yang menyeluruh untuk semua agensi penguatkuasaan undang-undang, unit perisikan kewangan dan pendakwa.
- Menubuhkan pasukan atau unit penyiasatan dan pendakwaan pakar yang bertumpu terutamanya pada penyitaan aset.
- Memupuk kerjasama rapat pada peringkat seberapa awal yang boleh antara penyiasat dengan pendakwa untuk merancang segala aspek penyitaan aset.
- Mengkaji semula dan mengukuhkan semua unsur rangka kerja undang-undang penyitaan aset, termasuk:
 - kuasa penyiasatan untuk menentukan lokasi dan hak milik benefisiari,
 - peruntukan pembekuan, penahanan dan penyitaan, dan
 - bantuan guaman bersama.

Bahagian 3: Kaedah-kaedah pengubahan wang haram yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia

3.1 Bagaimanakah wang haram diubah?

Sungguhpun proses pengubahan wang haram boleh merangkumi pelbagai langkah, namun proses ini biasanya dipisahkan kepada tiga peringkat: **peletakan**, **pelapisan** dan **penyepaduan**, seperti yang diterangkan di bawah ini.



- **Peletakan** melibatkan langkah membawa masuk wang atau aset yang haram itu ke dalam sistem kewangan. Contohnya, hal ini boleh dilakukan dengan memasukkan wang tunai ke dalam akaun bank ataupun dengan menggunakan wang tunai untuk membeli aset.
- **Pelapisan** melibatkan usaha menyembunyikan asal usul haram wang yang diletakkan itu dengan menggerakkannya atau menyamakannya. Contohnya, hal ini boleh dilakukan apabila ahli profesional (misalnya peguam atau akauntan) bertindak sebagai perantara ataupun dengan menubuhkan struktur syarikat dan amanah yang kompleks untuk memindahkan wang.
- **Penyepaduan** berlaku setelah wang itu dilapisan dan dijauhkan daripada tempat asalnya, dan boleh digunakan dan dikawal oleh penjenayah sebagai wang yang pada zahirnya halal. Wang yang dinampakkan sebagai 'bersih' itu digunakan bagi aktiviti seperti pelaburan ke dalam aktiviti jenayah selanjutnya atau perniagaan yang halal (misalnya saham syarikat), atau untuk membeli aset bernilai tinggi (misalnya harta benda) dan barangan mewah (misalnya kereta yang mahal-mahal).

3.2 Kaedah pengubahan wang haram yang lazimnya digunakan

Kaedah (atau ‘tipologi’) pengubahan wang haram di mana-mana lokasi pun banyak dipengaruhi ekonominya, pasaran kewangannya dan aturan pencegahan pengubahan wang haram di situ. Para penjenayah juga sangat kreatif memikirkan kaedah mengubah wang haram.

Beberapa kaedah pengubahan wang haram yang lazimnya digunakan disenaraikan di bawah ini.

Bank luar negara Wang boleh dihantar melalui ‘akaun luar pesisir’ di negara-negara yang menggunakan undang-undang kerahsiaan bank, yang boleh mengakibatkan perbankan tanpa nama.
Penyeludupan wang tunai Wang tunai boleh diangkut secara fizikal melintasi sempadan untuk menjauhkan hasil kegiatan jenayah daripada kesalahan yang menghasilkannya.
Pemindahan kiriman wang alternatif / tidak formal Beberapa negara di Asia mempunyai sistem perbankan alternatif yang mantap dan sah untuk urusan menandatangani, mengeluarkan dan memindahkan wang tanpa didokumenkan.
Syarikat cangkerang Syarikat cangkerang ditubuhkan semata-mata untuk tujuan mengubah wang haram dengan cara mengambil keuntungan haram sebagai ‘bayaran’ bagi barangan dan perkhidmatan yang sebenarnya tidak wujud dan mengeluarkan invoice dan kunci kira-kira yang palsu untuk menimbulkan tanggapan bahawa transaksi yang sah sedang dijalankan.
Merangka atau ‘smurfing’ Wang yang banyak dipecah-pecahkan menjadi amaun yang lebih kecil dan kurang menimbulkan curiga untuk mengelakkan ambang pelaporan FIU. Wang itu kemudiannya dimasukkan ke dalam satu akaun bank atau lebih sama ada oleh beberapa orang (‘smurf’) atau oleh satu orang sepanjang tempoh masa yang panjang.
Melabur ke dalam syarikat yang sah Keuntungan haram boleh dimasukkan ke dalam perniagaan yang sah, khususnya perniagaan berasaskan wang tunai seperti restoran dan bar, untuk menyamarkan sumbernya. Perniagaan seperti ini mungkin berupa ‘syarikat topeng’ yang memang menyediakan barangan atau perkhidmatan tetapi tujuan sebenarnya adalah untuk menghalalkan wang penjenayah.
Aset bernilai tinggi Barangan dan aset bernilai tinggi seperti hasil seni, barang antik, barang kemas, logam berharga, batu permata, bot atau kenderaan dan harta tanah boleh dibeli sebagai cara melaburkan semula atau menyembunyikan hasil daripada kegiatan jenayah.
Pengubahan wang haram berasaskan perdagangan Perdagangan yang sah boleh digunakan untuk menyamarkan hasil daripada kegiatan jenayah. Ini kaedah pengubahan wang haram yang canggih dan mungkin merangkumi perbuatan menggerakkan barangan haram, memalsukan dokumen, menyalahnyatakan transaksi kewangan, dan terkurang atau terlebih menginvoiskan nilai barangan.

3.3 Pengubahan wang haram dalam kes-kes pemerdagangan manusia

Laporan bertajuk *Bekas Tapak Kewangan: Analisis Penyiasatan Kewangan untuk Memerangi Pemerdagangan Manusia di Rantau Asia Pasifik* dihasilkan untuk mendapatkan maklumat bagi bahagian panduan ini. Laporan ini memberikan gambaran keseluruhan tentang kepustakaan global yang penting mengenai aliran kewangan yang berkait dengan pemerdagangan manusia, dan pengalaman global menggunakan alat-alat kewangan baru-baru ini untuk memerangi pemerdagangan manusia. Laporan ini juga menganalisis jawapan bagi suatu soal selidik, termasuk kajian kes, daripada negara-negara anggota Bali Process.

Laporan ini menyatakan bahawa data dan statistik yang ada tentang pemerdagangan manusia dan aliran kewangan yang berkait dengannya terhad, sama ada pada peringkat global mahupun di rantau Asia Pasifik. Terdapat dua saluran siasatan yang boleh digunakan sehubungan dengan aliran kewangan yang berkait dengan pemerdagangan manusia, iaitu aliran wang haram yang diubah oleh pedagang haram tersebut dan aliran wang daripada orang yang didagangkan, khususnya melalui penggunaan perkhidmatan pemindahan wang untuk menghantar kiriman wang kepada ahli-ahli keluarga di negara asal mereka, atau melalui penggunaan akaun bank atau perkhidmatan pemindahan wang untuk membayar 'hutang' kepada pedagang haram tersebut.

Data yang ada tentang aliran wang daripada orang yang didagangkan lebih terhad lagi. Maklumat ini mungkin sangat berharga bagi pendekatan yang bertumpu pada mangsa, dan apabila mempertimbangkan jenis-jenis perdagangan haram yang khusus (contohnya, eksploitasi seksual). Kajian-kajian yang sedang dijalankan dan beberapa terbitan kerajaan juga lebih bertumpu pada kaedah pengubahan wang haram, dan menyatukan pemerdagangan manusia dan penyeludupan pendatang di bawah satu payung. Hasilnya ialah keterangan yang sangat umum mengenai kaedah dan penunjuk jenayah begini. Data dan analisis yang lebih baik sangat penting untuk menyokong penilaian risiko dan boleh membimbing gerak balas keadilan jenayah dan sumbangan sektor swasta kepada gerak balas tersebut.

Laporan *Bekas Tapak Kewangan* juga mengemukakan beberapa contoh antarabangsa yang berlaku baru-baru ini mengenai perkongsian antara sektor awam dengan swasta untuk mengesan pemerdagangan manusia, menjayakan pendakwaan pedagang haram dan mengukuhkan sistem kewangan supaya tidak dapat digunakan untuk tujuan yang haram. Perkongsian ini menunjukkan potensi yang besar untuk melibatkan sektor swasta dengan lebih baik sebagai barisan pertahanan terhadap pemerdagangan manusia, dan menggunakan pengetahuan dan kepakaran yang berkenaan untuk menyokong penyiasatan dan pendakwaan.

Jawapan soal selidik daripada negara-negara anggota Bali Process mengenal pasti kaedah-kaedah penting yang berikut untuk mengubah hasil daripada kegiatan pemerdagangan manusia di rantau ini:

- menggunakan transaksi bernilai rendah (selalunya kurang daripada ambang pelaporan)
- menggunakan pemberi khidmat pemindahan wang atau nilai
- menggabungkan hasilnya dengan pendapatan daripada perniagaan yang sah, dan
- memindahkan hasilnya kepada orang lain.


Jawapan soal selidik ini juga mengenal pasti bahawa suatu penunjuk kewangan yang penting adalah apabila gaya hidup seseorang itu tidak sepadan dengan sumber pendapatannya. Penyiasatan oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, laporan tentang transaksi yang mencurigakan yang difailkan oleh institusi kewangan dan aduan mangsa ialah kaedah yang paling lazim digunakan untuk mengesan pemerdagangan manusia atau pengubahan wang haram yang berkait dengan pemerdagangan manusia.¹¹

¹¹ Ibid m/s. 35

Bahagian 4: Unit Perisikan Kewangan (FIU)

4.1 Bagaimanakah kerajaan mengenal pasti aktiviti pengubahan wang haram?

FIU berperanan penting dalam langkah memudahkan pendekatan 'jejaki wang' yang berkesan. Untuk mendapat tahu bahawa seseorang atau sesebuah entiti itu mengubah wang, kerajaan memerlukan maklumat daripada institusi kewangan serta institusi dan ahli profesional bukan kewangan yang lain, seperti kasino, pemberi khidmat syarikat, peguam dan akauntan. Piawaian pencegahan pengubahan wang haram menetapkan entiti yang mesti melaporkan transaksi yang kelihatan mencurigakan, dan ini disebut entiti pelaporan. Kerajaan, melalui FIU, kemudiannya mendapat maklumat daripada entiti pelaporan ini melalui laporan yang disebut laporan transaksi atau hal yang mencurigakan. FIU menganalisis maklumat ini dan memberikannya kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain. Gambar rajah di bawah ini menunjukkan aliran maklumat kepada dan daripada FIU.



Gambar rajah daripada: Unit Perisikan Kewangan: Gambaran Keseluruhan, Bank Dunia IMF, 2004¹²

12 <https://www.imf.org/external/pubs/ft/FIU/fiu.pdf>

4.2 Apakah tugas FIU?

Setiap negara mempunyai jenis FIU yang berlainan, bergantung pada apa yang paling sesuai dengan konteks dan keperluan masing-masing. Semua FIU mempunyai tanggungjawab menerima, menganalisis dan menyebarkan hasil risikan kewangannya.

FATF menggalakkan FIU memohon keahlian **Kumpulan FIU Egmont**, iaitu sebuah badan global yang terdiri daripada 152 FIU.

Suatu unsur penting fungsi FIU ialah kebolehan bekerjasama dengan rakan-rakan sejawat asing untuk berkongsi maklumat melalui Web Terjamin Egmont (ESW).¹³ Namun begitu, sungguhpun pertukaran maklumat antara FIU mampu mencepatkan perisikan kewangan, tetapi pertukaran maklumat ini tidak boleh digunakan sebagai bukti dalam prosiding jenayah tanpa persetujuan FIU yang membekalkan maklumat itu.

Perbezaan penting yang menentukan kebolehan sesebuah FIU menyokong penyiasatan atau pendakwaan adalah bahawa sesetengah FIU mempunyai fungsi penyiasatan manakala yang lain tidak. Antaranya ialah kuasa membekukan transaksi dan merampas aset. Banyak FIU juga berperanan mendidik industri tentang kaedah pengubahan wang haram dan menguatkuasakan pematuhan peruntukan peraturan dengan mengenakan denda dan hukuman atas ketidakpatuhan.

Petua: Galakkan penglibatan yang proaktif dengan FIU anda

- Galakkan perkongsian maklumat secara tetap antara agensi.
- Pertimbangkan pegawai yang ditugaskan keluar atau pegawai benam daripada FIU anda di agensi penyiasatan atau pasukan penyiasatan pakar anda, dan sebaliknya, untuk memastikan terdapat pertukaran pemahaman dan pengalaman dua hala.

4.3 Bagaimanakah FIU anda dapat menyokong penyiasatan anda?

FIU boleh memberikan maklumat dan bantuan yang berharga untuk menyokong penyiasatan dan pendakwaan perdagangan manusia. Di bawah ini ialah senarai jenis bantuan yang boleh diberikan oleh FIU. Model FIU di negara anda akan mempengaruhi jenis sokongan yang boleh diberikannya kepada anda. FIU boleh menyokong usaha **penyiasatan** dengan cara:

- Menghasilkan **laporan perisikan kewangan** yang boleh menentukan kaitan antara orang dan entiti yang disyaki terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram dan jenayah.
- Membekalkan **maklumat kewangan** yang berkaitan dengan laporan transaksi yang mencurigakan, laporan transaksi tunai, laporan tunai lintas sempadan dan maklumat lain yang berkenaan. Ini mungkin dapat membantu anda **mengenali pasti pesalah jenayah** dan boleh **menyokong penyiasatan yang sedia ada** atau **menghasilkan kes-kes baharu**.
 - **Pengenalpastian awal transaksi kewangan yang mencurigakan** mungkin sangat penting dalam usaha menghalang berlakunya tindakan jenayah, contohnya dalam kes-kes keganasan, atau menunjukkan aktiviti jenayah yang sedang dijalankan, misalnya pembayaran kepada pedagang haram manusia.
- **Dalam beberapa bidang kuasa, terdapat kebolehan membekukan akaun dan merampas aset, dan dalam sesetengah keadaan, menyekat transaksi selama tempoh yang tertentu.** Hal ini mungkin dapat membantu anda melindungi wang sambil memberi anda masa melakukan penyiasatan selanjutnya untuk mengesahkan sesuatu teori.
- **Menghulurkan kepakaran kewangan untuk menyokong penyiasatan,** contohnya FIU anda mungkin dapat menyampaikan perkhidmatan akauntan forensik untuk menyiasat dan menganalisis bukti kewangan, dan dalam sesetengah keadaan, membantu prosiding undang-undang.

¹³ Unit Perisikan Kewangan: Gambaran Keseluruhan Bank Dunia IMF 2004 <http://www.egmontgroup.org/about/financial-intelligence-units-fius>
Senarai Negara Anggota Kumpulan Egmont lihat <https://www.egmontgroup.org/en/membership/list>

- **Memudahkan perkongsian maklumat antarabangsa** melalui kerjasama dengan rakan-rakan sejawat asing masing-masing. Contohnya, sesetengah FIU memegang kuasa bertukar maklumat dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang asing, manakala sesetengah FIU pula diberi kuasa berkongsi maklumat dengan organisasi antarabangsa yang merangkumi INTERPOL dan EUROPOL.
- Dalam sesetengah keadaan, bergantung pada model FIU di negara anda, FIU boleh **melakukan penyiasatan sebenar atau menyertai pasukan petugas bersama**.

Petua

Libatkan FIU anda pada peringkat awal penyiasatan untuk menentukan cara mereka dapat menyokong anda.

Petua

Orang yang anda syaki mungkin sudah pun tercatat di dalam pangkalan data FIU. Pertimbangkan langkah menghantar kepada FIU permintaan laporan yang ada, termasuk permintaan kepada negara-negara asing yang pernah dikunjungi oleh orang yang anda syaki atau yang pernah menjadi tempat mereka menghantar atau menerima wang.

FIU boleh menyokong usaha **litigasi** dengan cara:

- **Melakukan penyiasatan** untuk menyokong pendakwa jika terdapat jurang pada maklumat kewangan.
- **Menghulurkan kepakaran kewangan untuk menyokong** litigasi, yang mungkin merangkumi pemberian keterangan pakar untuk menjelaskan transaksi kewangan yang kompleks.

FIU boleh menyokong usaha **pencegahan** dengan cara:

- Menghasilkan **produk risikan**. Ini merangkumi maklumat daripada rakan-rakan sejawat asing melalui rangkaian FIU ke FIU yang mampu mempercepatkan pertukaran maklumat melintasi bidang kuasa (biasanya lebih cepat daripada bantuan guaman atau saluran diplomatik).
- Menghasilkan **laporan tipologi** dan menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti transaksi kewangan dan ciri-ciri akaun yang menjadi penunjuk kesalahan yang khusus. Hal ini dapat membekalkan maklumat untuk membantu usaha pencegahan dan penyiasatan oleh entiti penguatkuasaan undang-undang dan pelaporan.
- **Melatih kakitangan** entiti pelaporan untuk mengenali transaksi yang mencurigakan.
- Menyediakan **program kesedaran industri** dan memastikan bahawa industri mematuhi langkah-langkah pencegahan AML melalui pendidikan dan penguatkuasaan keperluan kawal atur.

4.4 Kajian Kes


Latar belakang

Pada bulan April 2016, perhatian umum di Indonesia tertarik ke arah kes tiga pekerja hijrahan dari Timor-Leste yang meninggal dunia di Malaysia. Keluarga salah seorang pekerja itu tidak sedar bahawa dia bekerja di luar negara sejak dia menghilangkan diri pada 2 September 2015. Nusa Tenggara Timur (NTT) ialah wilayah ke-9 terbesar di Indonesia yang menghantar pekerja ke luar negara dan telah mengalami bilangan pekerja hijrahan yang paling ramai terkorban di Indonesia. Antara tahun 2015 hingga 2016, dianggarkan seramai 4,144 warga NTT telah dihantar ke luar negara. Dianggarkan bahawa 99 pekerja hijrahan dari NTT meninggal dunia dalam tempoh 2015 hingga 2017. Presiden Indonesia mengarahkan Polis Kebangsaan Indonesia menyiasat masalah ini, yang menyebabkan tertubuhnya Pasukan Petugas Pemerdagangan Manusia dan arahan kepada Ketua Polis Daerah Kupang untuk menyiasat kes ini. Semasa penyiasatan dijalankan, 12 rangkaian pemerdagangan manusia dikenal pasti, yang merentasi Indonesia dan Malaysia.

Aliran Wang

Dari Januari 2015 hingga Ogos 2016, rangkaian ini berjaya menghantar seramai 2,279 pekerja hijrahan ke Malaysia. Jumlah nilai transaksi yang diraih oleh rangkaian ini daripada pemergian semua pekerja itu ialah US\$563,446.00. Berdasarkan data transaksi kewangan, pesalah yang menguruskan pengendalian ejen-ejen haram di Lapangan Terbang El Tari menerima US\$244,125.69 dari 1 Januari 2015 hingga 8 Ogos 2016. Hal ini berkait dengan pergerakan 1,787 orang ke Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Arab Saudi, termasuk 48 orang kanak-kanak.

ALIRAN PERDAGANGAN HARAM



Unit Perisikan Kewangan Indonesia, PPATK melakukan analisis 64 laporan transaksi yang mencurigakan, yang menunjukkan bahawa:

- Wang sejumlah US\$13.5 juta telah dibayar sehubungan dengan 48 pihak yang disiasat oleh Polis Daerah Kupang.
- Pautan antara rangkaian pemerdagangan manusia yang beroperasi di NTT.
- Analisis ini telah membantu mengenal pasti pihak-pihak yang membiayai operasi pemerdagangan manusia di Nusa Tenggara Timur.
- Analisis ini menyokong penyiasat dengan tugas memetakan rangkaian dengan menggunakan pendekatan jejak wang.

BENDERA MERAH			
Bil.	Penunjuk Bendera Merah	Pemboleh Ubah	Contoh
1	Profil pelanggan	Sektor swasta	• pemilik/pekerja PPTKIS (yang sah dan yang tidak sah) • pengurup wang • pemilik/pekerja perniagaan pelancongan dan perjalanan • perkhidmatan penerbangan • perkhidmatan penghantaran muatan / pengangkutan • perkhidmatan penyewaan
		Sektor awam	• pegawai imigresen • pengawal keselamatan penerbangan • anggota tentera • pegawai polis
2	Transaksi dasar	Kata kunci	Kanak-kanak; orang; tiket; elaun makan minum; pembantu rumah; bayaran khidmat pasport; perjalanan; RM; bayaran yuran; gaji kanak-kanak dan sebagainya
3	Saluran transaksi	Sistem perbankan	• terlebih tempah • pemindahan melalui ATM • transaksi melalui IB/MB • pemindahan telegraf
4	Pola transaksi	Pergaulan	Campuran keuntungan perniagaan yang halal dengan hasil daripada kegiatan jenayah yang dijumpai di dalam akaun beberapa pihak yang disebut pemilik/pekerja PPATKIS. Penunjuk perbuatan menyamarkan/ menyembunyikan asal usul hasil daripada kegiatan jenayah.
5	Analisis transaksi kewangan juga menyumbang kepada usaha <u>memadankan setiap peringkat aktiviti perdagangan haram</u> mulai peringkat pencarian mangsa di lapangan, perlindungan, perjalanan dari kampung halaman ke tempat persinggahan dan ke bandar/negara destinasi, pemalsuan dokumen, sehingga pertuduhan rasuah dan perkakas (sistem) kerajaan. Penyiasatan menggunakan kaedah pepadanan dengan memanfaatkan maklumat daripada profil pemegang akaun, tarikh transaksi, amaun transaksi dan lokasi transaksi.		

Hasil

Penyiasat daripada Polis Daerah Kupang berjaya merungkai 11 rangkaian dan mengenal pasti 32 orang yang disyaki. Daripada 32 orang yang disyaki ini, 11 orang telah disabit oleh mahkamah atas kesalahan mendagangkan manusia dan dihukum penjara selama 2 hingga 9 tahun. Mahkamah juga mengenakan denda antara US\$9,230.00 hingga US\$153,800.00 dan memperuntukkan pengembalian wang berjumlah US\$77.00 sehingga US\$4,230.00 kepada mangsa yang hidup dan keluarga mangsa yang telah meninggal dunia. Seorang pegawai imigresen lapangan terbang dalam kes pemerdagangan manusia ini dijatuhi hukuman penjara selama 4 tahun serta dikenakan denda sebanyak US\$15,300.00, dan wang sebanyak US\$77.00 telah dipulangkan kepada keluarga mangsa.

Bahagian 5: Penyiasatan

5.1 Apakah maksud penyiasatan kewangan?

Penyiasatan kewangan ialah teknik penyiasatan yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat, risikan dan bukti daripada pelbagai sumber mengenai sejarah dan aktiviti kewangan orang yang disyaki atau saksi dalam prosiding jenayah. Penyiasatan kewangan meneliti segala unsur kewangan yang berkaitan dengan sesuatu jenayah, termasuk wang yang dilaburkan ke dalam persediaan dan perbuatan jenayah itu, kos yang bertanggung semasa melakukan jenayah itu, serta bayaran dan keuntungan yang diterima daripada perbuatan jenayah itu.

Kesalahan mengubah wang haram boleh berlaku pada mana-mana peringkat proses kewangan, dan keperluannya yang penting adalah untuk menentukan bahawa orang yang mengendalikan wang itu **tahu atau sepatutnya telah mengesyaki bahawa wang tersebut diperoleh daripada kegiatan jenayah, ataupun dimaksudkan untuk melakukan jenayah**. Hal ini boleh dicapai jika beberapa sumber maklumat dihimpunkan untuk menyimpulkan bahawa aktiviti yang mencurigakan atau luar biasa sedang berlaku.

Petua

Matlamat utama penyiasatan kewangan adalah untuk mengenal pasti dan merakamkan **pergerakan wang** sepanjang pelaksanaan kesalahan tersebut, dan mengenal pasti peserta-peserta lain yang melakukannya serta hasil yang diperoleh daripadanya. Pautan antara punca wang itu, orang yang menerimanya, waktu diterima dan tempat wang itu disimpan atau didepositkan **boleh menjadi bukti aktiviti jenayah**.

5.2 Bagaimanakah dapat kita buktikan cara dan tempat wang digerakkan?

Rekod yang berkaitan dengan atau yang menunjukkan leretan peristiwa yang melibatkan wang semuanya penting. Sungguhpun ekonomi beberapa negara tetap menggunakan wang tunai terutamanya, namun orang ramai semakin banyak menggunakan sistem perbankan elektronik, pemindahan kawat, kad bank dan perbankan internet, yang akan meninggalkan leretan. Tetapi walaupun bagi transaksi yang berasaskan wang tunai, rekod mungkin tetap terhasil, misalnya invois, kontrak, resit atau buku akaun, dan sebagainya. Sifat transaksi ini, sama ada berbentuk elektronik ataupun tidak, dan rekod yang berkaitan dengannya, memberi para penyiasat sumber maklumat atau bukti yang hampir tidak terhingga.

Sumber maklumat, risikan atau bukti yang berkenaan dengan pergerakan wang atau nilai wang berbeza-beza, bergantung pada sifat penyiasatan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan penyiasatan, beberapa sumber lazimnya digunakan setiap kali. Sumber ini merangkumi tetapi tidak terbatas kepada:

- Orang yang disyaki (sampah di dalam saku)
- Pengangkutan / penghantar
- Perniagaan dan pekerjaan yang lain
- Telefon bimbit
- Institusi kewangan
- Utiliti
- Syarikat insurans
- Jabatan pendaftaran kenderaan
- Agensi kredit
- Pejabat pendaftaran tanah
- Perkhidmatan persaraan
- Penguasa cukai / keselamatan sosial
- Pejabat pendaftaran dan pihak berkuasa kerajaan
- Kad kesetiaan, misalnya penerbang kerap syarikat penerbangan dan kad keahlian hotel

Tiga sumber khususnya perlu diutamakan: (1) institusi kewangan, yang menjadi salah satu sumber maklumat yang paling meluas; (2) bil utiliti; dan (3) kad kesetiaan, yang mengandungi maklumat yang berharga tetapi mungkin kurang digunakan.

Institusi kewangan

Maklumat yang diperoleh daripada institusi kewangan mungkin merangkumi rekod pembukaan akaun (berguna untuk mendapatkan maklumat pengenalan diri yang dinyatakan, pekerjaan dan pendapatan yang diisytiharkan) berserta sejarah lengkap akaun tersebut. Salinan penyata bank yang menunjukkan kredit, debit dan baki berserta cek, baucar kredit dan dokumentasi transaksi yang lain boleh didapati, begitu juga nota bertulis yang mungkin telah dibuat oleh pegawai bank sepanjang tempoh urusan akaun tersebut. Bagi penggunaan kad kredit atau debit, maklumat ini juga mungkin berguna untuk menjejaki pergerakan seseorang, restoran yang dikunjunginya, komoditi yang dibelinya, tempat yang selalu dilawatinya, serta kelab dan pusat sosial yang dilanggannya. Ini boleh menemukan kita dengan akaun-akaun lain yang ada, membuktikan alibi atau sebaliknya, menghitung perbelanjaan dan gaya hidup, dan mengenal pasti sekutu jenayahnya yang lain. Jika diambil pada masa nyata, maklumat ini juga boleh digunakan untuk menentukan lokasi seseorang.

Bil utiliti

Selain menyokong taraf permastautinan, penyiasatan dengan syarikat utiliti mungkin mendedahkan akaun yang belum diketahui, urusan kewangan atau sekutu-sekutu lain yang mungkin membuat bayaran bagi perkhidmatan ini. Dengan cara yang serupa, kes pembekal khidmat internet dan telefon juga dapat membantu kita mengenal pasti orang lain yang mungkin berkenaan serta sekutu-sekutu jenayah yang lain.

Kad kesetiaan

Kad ahli penerbang kerap sesebuah syarikat penerbangan, misalnya One World, Star Alliance atau Sky Team, ataupun kad kesetiaan rantai hotel daripada Hilton, Starwood atau Marriott boleh membekalkan banyak maklumat. Antaranya ialah profil pelanggan, misalnya nama, alamat kediaman, alamat e-mel, nombor telefon bimbit dan butir-butir akaun bank / kad kredit yang digunakan untuk membayar perkhidmatan tersebut. Butir-butir penerbangan yang dinaikinya, hotel yang diinapinya dan orang yang menemaninya pada ketika itu juga boleh didapati.

Petua

Orang yang disyaki itu mungkin menyembunyikan wang di bawah nama ahli keluarganya, atau rakan peribadinya atau sekutu perniagaannya yang rapat. Pastikan pencarian anda merangkumi orang begini yang mungkin memegang atau menggerakkan wang bagi pihak orang yang disyaki itu.

5.3 Mengumpulkan maklumat dan bukti

Sebagai amalan yang baik, penyiasatan kewangan hendaklah dilakukan selari dengan penyiasatan pemerdagangan manusia secara keseluruhannya. Keselarasan antara penyiasat, FIU dan pendakwa akan menambahkan nilai pada penyiasatan jenayah pemerdagangan manusia, dan juga dapat menolong negara anda menepati piawaian pencegahan pengubahan wang haram.

Petua

Atur **penyiasatan kewangan selari yang proaktif** sehubungan dengan penyiasatan anda bagi semua kesalahan pemerdagangan manusia. Bukti yang anda peroleh mungkin dapat membuktikan kesalahan predikatnya, dan mungkin juga menyokong kesalahan pengubahan wang haram yang berasingan.

Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan **senarai semakan penyiasatan kewangan** sebagai sebahagian daripada prosedur pengendalian standard penyiasatan anda.

Petua

Pastikan gerak balas anda menghimpunkan **kepakaran semua agensi yang berkenaan** (penyiasat, FIU dan pendakwa) untuk memastikan kesalahan disiasat sepenuhnya.

Maklumat boleh diambil sama ada daripada sumber terbuka atau sumber tertutup, seperti internet dan rekod syarikat atau pejabat pendaftaran tanah (terbuka) dan institusi kewangan atau rekod percukaian (tertutup).

Dalam apa jua keadaan, semasa mendapatkan maklumat, penyiasat kewangan hendaklah melakukannya di dalam lingkungan rangka kerja undang-undang domestiknya sendiri dan hendaklah dapat mewajarkan penyiasatan sedemikian sebagai bersesuaian kadarnya, selaras dengan undang-undang, boleh dipertanggungjawabkan dan perlu bagi penyiasatan yang dilakukan. Inilah perkara-perkara penting yang perlu ditunjukkan, memandangkan kuasa merejah yang ada pada penyiasat membolehkan mereka mengatasi hak kerahsiaan klien dan melanggar hak privasi asas seseorang. Kawalan dan syarat-syarat kemasukan yang ketat hendaklah dikenakan sepanjang masa.

Petua: Pastikan anda mampu menunjukkan bahawa penyiasatan anda itu:

- **Bersesuaian kadarnya**
 - Adakah tindakan ini bersesuaian kadarnya dengan ancaman yang ditimbulkannya?
 - Adakah terdapat kaedah yang kurang merejah untuk mencapai objektif yang sama?
- **Selaras dengan undang-undang**
 - Adakah terdapat asas undang-undang bagi tindakan ini?
 - Adakah tindakan ini selaras dengan kewajipan undang-undang, termasuk keperluan hak asasi manusia, privasi, perlindungan data dan kerahsiaan?
- **Boleh dipertanggungjawabkan**
 - Bolehkah keputusan yang dibuat ini dipertanggungjawabkan terhadap sesiapa?
- **Perlu**
 - Adakah tindakan ini perlu?
 - Adakah maklumat ini cukup besar nilainya bagi penyiasatan yang dijalankan?

Penggunaan sistem pengurusan kes yang berkesan, walau betapa asas sekali pun, penting bagi penyiasatan kewangan. Selalunya, jumlah maklumat yang diperolehi agak banyak. Rekod yang jelas tentang apa yang diperolehi dan tempat maklumat itu diperolehi akan dapat meniadakan kesulitan semasa penyiasatan ini diteruskan kelak atau semasa perbicaraan. Mengadakan dasar atau rekod keputusan yang dibuat juga membantu apabila diminta menjelaskan kemudian sebabnya tindakan merejah yang tertentu telah diambil.



AMARAN

Kes-kes banyak dikalahkan atas sebab pengurusan dokumen yang kurang baik kerana asas undang-undang bagi sesuatu perampasan tidak dapat ditunjukkan atau rantai jagaan mulai waktu dan tempat sesuatu dokumen itu dirampas tidak dapat ditunjukkan.

Petua

Gunakan sistem pengurusan kes untuk menjejaki maklumat kewangan yang telah anda peroleh sepanjang penyiasatan anda.

Petua

Pastikan dokumen-dokumen yang anda rampas itu dilabelkan dan dirakamkan satu persatu di dalam rekod perampasan harta benda, dan disimpan di tempat yang selamat berserta catatan rantai jagaannya.

5.4 Kajian Kes

Mae Ja Kim, disabit di Australia atas kesalahan pengubahan wang haram dan menyara hidupnya dengan hasil pelacuran

Mae Ja Kim menjalani gaya hidup yang mewah dengan menggunakan sebahagian daripada pendapatan pekerja seks wanita yang melebihi 100 orang, yang dibawanya dari Asia Tenggara ke Melbourne, Australia dengan janji memberi mereka gaji yang lumayan dan keadaan kerja yang bagus. Dia tidak mempunyai lesen untuk mengendalikan perniagaan pekerja seks mahupun mengambil mana-mana bahagian pendapatan itu, tetapi dia tetap melakukannya. 'Pengawas' yang tidak berlesen telah dilantik oleh Kim untuk menyelia pekerja seks itu dan Kim akan bermesyuarat dengan mereka untuk membincangkan cara meningkatkan lagi jumlah kerja yang dilakukan oleh mereka serta mengenakan denda terhadap mereka yang berprestasi kurang baik. Dia menggunakan 12 telefon bimbit yang dipegang atas nama-nama palsu pada waktu polis menyiasat. Rakan-rakan pesalah Kim membantunya menjalankan operasi sehari-harinya yang melibatkan pekerja seks, termasuk memungut wang perolehan dan menyusun jadual kerja. Analisis ringkasan bayaran pekerja menyediakan asas untuk menghitung jumlah wang yang telah diraih oleh Kim daripada perbuatan jenayahnya dan mengakibatkan dia dijatuhi hukuman denda sebanyak AU\$2,509,000.00.

Dengan cara 'menjejaki wang', para penyiasat dapat menunjukkan bahawa Kim terlibat secara langsung dengan pengurusan rumah pelacuran dan pemerdagangan manusia untuk mengendalikan rumah pelacuran tersebut. Keuntungan yang diperoleh daripada kegiatan jenayah ini dijejaki, begitu juga gaya hidupnya yang mewah. Antara harta benda miliknya ialah tiga unit pangsapuri dan sebuah rumah di Melbourne, serta berbilang kereta mewah termasuk Audi 6, Mercedes Benz E500 dan Grand Jeep Cherokee. Unsur-unsur penting kejayaan kes ini ialah penyusunan semula nota-notanya yang menunjukkan amaun yang perlu dibayar kepada setiap gadis itu berdasarkan bilangan klien yang dilayan, dan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang Australia.

Gambar yang diambil di unit pangsapuri mewah Kim di Southbank sewaktu dia ditahan pada tahun 2013 menunjukkan koleksi botol minyak wanginya yang berbaris-baris banyaknya, rak-rak berisi kasut mewah, beg tangan berjenama tinggi dan dua peti besi.



Daripada jumlah keuntungan sebanyak \$2.5 juta yang diperoleh melalui perbuatan jenayahnya, para penyiasat kewangan berjaya menunjukkan bahawa Kim telah membelanjakan \$202,000 untuk membeli barangan Prada, \$115,000 barangan Gucci dan \$24,000 barangan Hermes. Keuntungannya dan asetnya, termasuk unit-unit pangsapuri, rumah dan kereta-keretanya itu, dirampas semuanya dan akhirnya disita di bawah *Akta Hasil Daripada Kegiatan Jenayah 2002 Australia*.

Bahagian 6: Kerjasama antarabangsa

Perhatian: Bahagian ini tidak bermaksud membutirkan cara mengendalikan kerjasama antarabangsa, setelah mengambil maklum betapa luasnya bahan yang ada tentang tajuk ini. Bahagian ini bertumpu pada cara terbaik menggunakan mekanisme kerjasama antarabangsa untuk menyokong penyiasatan kewangan.

6.1 Mengapakah kerjasama antarabangsa itu penting?

Mekanisme kerjasama jenayah antarabangsa yang berkesan ialah alat asas yang diperlukan untuk menangani jenayah lintas sempadan dan ciri penting pada sistem pencegahan pengubahan wang haram yang berkesan. Antara sebab penting kerjasama antarabangsa sering diperlukan untuk menyokong penyiasatan kewangan adalah untuk:

- mendapatkan **bukti** daripada bidang kuasa yang lain untuk menyokong penyiasatan kewangan, dan
- mengenal pasti, menahan, menyita dan menghantar balik ke negara asalnya **hasil daripada kegiatan jenayah** dan/atau **peralatan**, dan/atau aset yang perlu dipulangkan atau untuk membayar pampasan.

6.2 Beberapa bentuk kerjasama antarabangsa yang lazimnya digunakan untuk menyokong penyiasatan kewangan

Mekanisme yang tidak formal sangat berguna untuk menolong para pegawai menjalinkan hubungan antara rakan sejawat agar dapat memperoleh maklumat melintasi sempadan antarabangsa. Kerjasama yang tidak formal mungkin bermanfaat sebelum permohonan bantuan bersama yang formal dibuat. Mekanisme kerjasama yang tidak formal merangkumi:

- **Saluran dari agensi ke agensi** (mungkin merangkumi rangkaian polis ke polis atau FIU ke FIU)
- **Saluran Interpol** (merangkumi pengeluaran notis untuk menentukan lokasi seseorang supaya aktiviti kewangannya boleh dikesan)
- **Memorandum Persefahaman atau perjanjian seumpamanya**, dan
- **Rangkaian tidak formal** untuk tujuan pencegahan pengubahan wang haram dan pengambilan balik aset.
 - Mekanisme tidak formal ini mungkin merangkumi rangkaian pengambilan balik aset seperti mekanisme ARIN-AP (Rangkaian Antara Agensi Pengambilan Balik Aset untuk Asia Pasifik), Polis dengan Polis (jawatan Perhubungan Polis Luar Negara / atase perundangan) dan FIU dengan FIU (Laman Web Terjamin Egmont).

Petua

Galakkan negara anda menyertai Rangkaian Antara Agensi Pengambilan Balik Aset - Asia Pasifik (ARIN-AP) jika negara anda belum menjadi ahli. ARIN-AP ialah rangkaian tidak formal pengamal yang menyokong usaha ahli-ahlinya pada peringkat berbilang agensi untuk menghalang penjenayah mendapat keuntungan haram mereka.

Keahlian ARIN-AP tidak melibatkan kos. Keahlian diperoleh secara sukarela sepenuhnya dan tidak mewajibkan negara-negara anggotanya membekalkan maklumat mahupun menjawab permintaan.

Maklumat boleh didapati di www.arin-ap.org/main.do

Bantuan Guaman Bersama ialah kaedah utama mendapatkan kerjasama formal Kerajaan dengan Kerajaan untuk **mendapatkan bukti daripada bidang kuasa yang lain**. Bantuan Guaman Bersama diperlukan apabila bantuan tidak boleh dihulurkan melalui kaedah tidak formal, contohnya apabila bantuan itu memerlukan penggunaan kaedah memaksa dan bukti yang dikehendaki itu akan digunakan di mahkamah, atau jika negara yang satu lagi itu memerlukan permintaan Bantuan Guaman Bersama.


Penjenayah mungkin perlu **diserahkan kepada negara lain** untuk **membawanya memasuki bidang kuasa tersebut** agar dapat menghadapi pendakwaan jenayah ataupun untuk menjalani hukuman jenayah sehubungan dengan kesalahan yang boleh diserahkan balik kepada negara itu. Permintaan penyerahan begini juga mungkin berguna untuk membantu penyiasatan kewangan mengesan aset. Antara bentuk kerjasama antarabangsa yang lain ialah pemindahan banduan yang telah dijatuhi hukuman, kerjasama menggunakan teknik-teknik penyiasatan dan penyiasatan bersama.

6.3 Beberapa pertimbangan penting

Antara perkara penting yang perlu dipertimbangkan apabila mengendalikan kerjasama antarabangsa untuk menyokong penyiasatan anda ialah:

- Gunakan mekanisme tidak formal ketika melakukan penyiasatan awal untuk menentukan sama ada terdapat bukti, pesalah, mangsa atau hasil daripada pemerdagangan manusia yang berada di negara lain.
- Pada peringkat awal penyiasatan, mohon nasihat Pihak Berkuasa Pusat bagi kerjasama antarabangsa, FIU dan para pendakwa untuk memahami saluran perkongsian maklumat formal dan tidak formal yang ada.
- Hubungi rakan-rakan sejawat anda di negara yang satu lagi itu dengan awal. Dengan cara begini, anda akan mendapat penjelasan sama ada maklumat boleh diberikan melalui rangkaian tidak formal, atau sama ada Bantuan Guaman Bersama diperlukan. Cara begini juga dapat mengenal pasti sebarang isu undang-undang yang mungkin timbul, dan mendapat penjelasan tentang keperluan permintaan Bantuan Guaman Bersama.
- Jika Bantuan Guaman Bersama diperlukan:
 - Dapatkan penjelasan mengenai keperluan negara yang dimohon maklumat itu.
 - Nyatakan dengan jelas apa yang sedang cuba anda capai itu, dan nyatakan langkah-langkah yang akan anda ikuti untuk mencapainya.
 - Ini mungkin merangkumi tugas mengenal pasti aset, menentukan hak milik benefisiari, membuktikan kesalahan predikat dan berusaha menahan, merampas dan menghantar balik harta benda ke negara asalnya.
 - Pastikan permintaan anda itu menyeluruh dan merangkumi semua maklumat dan dokumen yang diperlukan oleh negara yang dimohon.
 - Nyatakan dengan jelas format yang dikehendaki bagi bukti yang diberikan.
 - Berikan rangka masa yang munasabah untuk menunaikan permintaan anda (bincang dahulu dengan penerima).
 - Jika anda hendak mendaftarkan perintah penahanan atau perampasan yang didaftarkan di negara asing, pastikan bahawa perintah itu menepati keperluan sistem undang-undang negara asing itu.
- Ketahui rangka kerja penyitaan dan perampasan di negara asing yang akan berurusan dengan anda itu dan sama ada negara itu boleh berkongsi harta benda yang disita.

Antara contoh menggunakan kerjasama antarabangsa untuk tujuan penyiasatan kewangan dalam kes pemerdagangan manusia ialah:



Petua

Mohon nasihat Pihak Berkuasa Pusat, pendakwa dan FIU pada peringkat awal penyiasatan.

Petua

Gunakan saluran perkongsian maklumat yang tidak formal **pada permulaan** penyiasatan untuk memperoleh laluan mendapatkan maklumat, mendapatkan penjelasan tentang jenis maklumat yang mungkin ada, menentukan cara terbaik mendapatkan maklumat tambahan yang berkenaan, dan menyasarkan permintaan maklumat secara formal dengan lebih baik.

Bahagian 7: Kaedah pembayaran baharu

Teknologi-teknologi baharu menawarkan kaedah pembayaran yang mungkin lebih murah dan lebih cekap ke seluruh dunia. Kemajuan ini juga menimbulkan risiko pengubahan wang haram, termasuk tahap kerahsiaan nama yang lebih tinggi berbanding dengan kaedah pembayaran tradisional yang tidak menggunakan wang tunai. Transaksi menggunakan teknologi baharu juga secara amnya berada di luar sistem kewangan yang dikawal atur, mungkin beroperasi merentasi berbilang negara dan tertakluk kepada tahap pengawasan yang berbeza-beza. Atas sebab-sebab ini, penggubal dasar dan penyiasat mesti mengetahui cara teknologi ini beroperasi dan digunakan oleh pesalah jenayah. Antara kaedah pembayaran yang lazimnya menggunakan teknologi baharu ialah:

Kad pintar (kad yang mengandungi nilai simpanan)

Kad plastik yang menyerupai kad kredit dan mengandungi mikrochip yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran tunai, dengan itu membolehkan proses pembayaran dijalankan tanpa memaut sesuatu belian balik pada akaun bank. Contohnya, kad prabayar yang boleh ditambah nilainya dengan wang tunai sehingga nilainya yang maksimum dianggap sebagai wang tunai jika tidak didaftarkan dalam talian, boleh digunakan untuk mengeluarkan wang tunai melalui mesin ATM dan membeli barang secara dalam talian dan di beberapa kedai, dan tidak terpaud dengan akaun bank.

Pembayaran dengan PayPal

'Dompot digital' dalam talian yang memindahkan wang daripada kad kredit atau debit, akaun bank dan/atau akaun PayPal pelanggan ke akaun pengguna PayPal yang lain, dengan itu membolehkan pembeli dan penjual menghantar dan menerima bayaran secara dalam talian dengan alat mudah alih atau di kedai (di beberapa negara).

Kriptomata wang (contohnya, bitcoin)

Mata wang maya yang digunakan di luar sistem perbankan. Transaksi dilakukan terus antara pengguna tanpa berkongsi maklumat pengenalan diri. Cara ini membolehkan transaksi tanpa nama yang dilindungi dengan kod keselamatan yang kompleks. Tidak ada pihak berkuasa pusat yang mengeluarkan unit mata wang ini mahupun mengesahkan transaksi.

Pembayaran melalui telefon bimbit

Kaedah pembayaran melalui telefon bimbit yang melibatkan telefonis telekom sebagai perantara pembayaran untuk mengesahkan, meluluskan dan menjelaskan bayaran. Cara begini lazimnya digunakan apabila tiada kemudahan mendapatkan perkhidmatan perbankan tradisional atau kemudahannya terhad. Bagi bayaran begini, amaun yang dipindahkan mungkin dikenakan terhadap atau diprabayar ke akaun telefon tersebut, atau nilainya mungkin disimpan pada kad SIM telefon itu. Kemajuan teknologi telefon bimbit dan alat pintar membolehkan alat-alat ini digunakan untuk membuat bayaran melalui pengenalanpastian frekuensi radio (RFID), komunikasi jarak dekat (NFC) atau teknologi seumpamanya tanpa menggunakan kad atau pemindahan bank tradisional. Apple Pay dan Google Wallet ialah contoh teknologi ini.

Pilihan perbankan dan pembayaran melalui internet

Kemajuan internet telah menambahkan bilangan perkhidmatan pembayaran yang bergantung pada internet untuk menggerakkan wang keluar masuk ke akaun bank ataupun daripada perkhidmatan pembayaran oleh institusi bukan bank yang beroperasi secara eksklusif melalui internet. Perkhidmatan begini meningkatkan risiko komputer atau alat pintar digunakan untuk membuat bayaran dengan menggunakan kad kredit atau akaun yang dibuka di negara-negara yang tidak begitu menunaikan kewajibannya dari segi risikan latar belakang pelanggan (CDD) dan kenali pelanggan anda (KYC).

Petua

Ketahui aneka teknologi baharu yang ada untuk memindahkan wang. Hubungi FIU di tempat anda untuk memohon nasihat tentang cara menyiasat kaedah pembayaran ini.

Bahagian 8: Ringkasan petua

- ✓ Adakan undang-undang pencegahan pengubahan wang haram yang menyeluruh.
- ✓ Pastikan bahawa kesalahan pengubahan wang haram dan kesalahan predikat boleh didakwa secara berasingan.
- ✓ Wujudkan kaedah perampasan yang tidak berasaskan sabitan.
- ✓ Ambil langkah-langkah yang giat untuk memastikan bahawa penyiasatan kewangan yang selari menjadi bahagian rutin semua penyiasatan penguatkuasaan undang-undang yang berkait dengan jenayah yang membawa keuntungan kewangan, termasuk pemerdagangan manusia.
- ✓ Kumpulkan statistik mengenai aset yang didapatkan balik dan penggunaan kesalahan pengubahan wang haram untuk menggendalakan rangkaian pemerdagangan manusia. Pertimbangkan penggunaan statistik ini sebagai penunjuk prestasi gerak balas negara anda dalam kes-kes pemerdagangan manusia.
- ✓ Tunjukkan sokongan yang tinggi terhadap pendekatan 'jejaki wang' dalam penyiasatan kes-kes pemerdagangan manusia untuk menggalakkan penerimaannya pada semua peringkat organisasi anda.
- ✓ Pastikan bahawa rangka kerja domestik anda merangkumi pilihan terluas Bantuan Guaman Bersama bagi kes pengubahan wang haram dan bahawa pengubahan wang haram dijadikan kesalahan yang boleh diserahkan balik kepada negara kejadian dalam undang-undang domestik anda.
- ✓ Pastikan gerak balas anda menghimpunkan kepakaran semua agensi yang berkenaan (penyiasat, FIU dan pendakwa) untuk memastikan kesalahan disiasat sepenuhnya.
- ✓ Gunakan sistem pengurusan kes untuk menjejaki maklumat kewangan yang telah anda peroleh sepanjang penyiasatan anda.
- ✓ Pastikan anda mempertimbangkan keperluan undang-undang yang perlu anda tepati untuk mendapatkan maklumat (contohnya keperluan hak asasi manusia, privasi, perlindungan data dan kerahsiaan).
- ✓ Gunakan rangkaian perkongsian maklumat yang tidak formal pada peringkat awal penyiasatan anda. Gunakan rangkaian perkongsian maklumat kewangan. Galakkan negara anda menyertai Rangkaian Antara Agensi Pengambilan Balik Aset - Asia Pasifik (ARIN-AP) jika negara anda belum menjadi ahli.
- ✓ Libatkan FIU dan Pihak Berkuasa Pusat di tempat anda pada peringkat awal penyiasatan anda.
- ✓ Ketahui aneka teknologi baharu yang ada untuk memindahkan wang. Hubungi FIU anda untuk memohon nasihat tentang cara menyiasat kaedah pembayaran ini.



Bali **Process**



Bali Process

tentang Penyeludupan Manusia, Pernerdagangan Manusia dan
Jenayah Lintas Sempadan yang Berkaitan Dengannya